

**Muhamad Razis Ismail**  
razis@hmetro.com.my

#### Kota Bharu

**P**eniaga di negeri ini dikesan mengambil kesempatan sempena sambutan Aidilfitri apabila menjual ayam sekitar RM20 sehingga RM30 sejak kelmarin.

Tinjauan Metro Ahad di Pasar Siti Khadijah di sini semalam mendapati ayam bukan sahaja dijual pada harga yang mahal, malah se-gelintir daripada mereka tidak menggunakan alat penimbang.

Apabila ditanya, peniaga memberi alasan, harga berkenaan ditetapkan oleh pemberong yang menjual kepada mereka pada harga tinggi.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) Kelantan Datuk Abdul Ghani Harun ketika ditemui menyifatkan tindakan peniaga itu sebagai kejam dan tidak beretika.

Katanya, pihaknya menerima banyak aduan berhubung perkara itu sebelum operasi dijalankan secara serentak di pasar besar di negeri ini semalam.

"Dalam operasi yang dijalankan semalam kami dapat peniaga mengenakan harga terlalu tinggi. Kalaulah harga seekor sampai RM30 seekor, perbuatan peniaga amat kejam kepada pengguna.

"Susulan daripada itu, kami keluarkan 21 notis me-

ngikut Seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Anti Pencautan 2011 kepada peniaga di seluruh negeri ini dengan Kota Bharu merekodkan kes tertinggi iaitu 12 kes.

"Saya juga arahkan semua pegawai KPDKKK supaya tidak keluar kan kompaun kepada peniaga yang lakukan kesalahan ini kerana kami pandang serius perkara ini.

"Selepas siasatan selesai, peniaga dan pemberong yang didapati melakukan kesalahan akan dihadapkan ke mahkamah," katanya selepas mengetua operasi memeriksa harga ayam di Pasar Siti Khadijah di sini, semalam.

Menurutnya, semua peniaga memberi alasan, pembekal mengenakan harga tinggi sehingga RM16 seekor memaksa mereka menjual ayam pada harga tinggi.

"Oleh itu kami akan jalankan pemeriksaan terhadap pembekal ayam untuk siasatan lanjut berhubung rungutan peniaga ayam berkenaan," katanya.

Sementara itu, peniaga yang dikenali Mek Yam berusia 53 tahun berkata terpaksa menjual pada harga berkenaan berikutan pemberong menetapkan harga tinggi.

"Pemberong jual pada harga RM11 sekilogram, tidak mungkin kami dapat jual lebih murah daripada itu. Kami tiada pilihan selain menjual pada harga sedikit mahal pada Aidilfitri," katanya.

**Kami  
keluarkan  
21 notis  
Abdul Ghani**

**JUAL AYAM RM30 SEEKOR**

**PENIAGA  
KEJAM!**

**ABDUL Ghani (kanan) memeriksa harga ayam yang dijual di Pasar Siti Khadijah, semalam.**

